

Kedudukan Hak Isteri Dari Perspektif Hukum Syarak dan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia

Suwaid bin Tapah

Abstract

In this article, the author elaborates fthe rights that women or wives deserve in a marriage according to Islam. For instances, a wife should deserve from her husband (i) a good treatment/entertainment, (ii) maintenance (nafaqah), protection, religious education as well as justice if a husband practices polygamy. In terms of those rights, the author explains in details provisions according to Syariah as well as what is enacted and practised in Malaysia, i.e Syariah Courts as stated in Muslim Family Law of every state in The Federation. In other words, Syariah Court is a legal enforcement body if there is a negligence or abuse of their (wives) rights which affects their happiness, harmony and tranquility. However, this protection from Syariah Court would not take place unless a wife reports it first to the Syariah Court.

Pembentukan rasa saling mengerti bagi mencapai kemurniaan dan kebahagiaan hidup bersama hanya boleh dinikmati oleh suami isteri yang memahami matlamat perkahwinan di dalam ajaran Islam. Allah menciptakan ketenteraman dan kasih sayang di dalam ikatan perkahwinan. Nilai-nilai tersebut menjadi tanda kebesaran Allah menciptakan lelaki dan wanita bagi mereka yang mahu berfikir!

Ikatan perkahwinan memerlukan respon positif dan saling memahami di antara satu sama lain. Di dalam Islam, sifat taqwa dan ikhlas menjalankan tanggungjawab sebagai suami dan isteri amat diperlukan bagi mencapai kebahagiaan yang diharapkan itu. Suami dan isterilah yang bertanggungjawab menentukan sama ada bahtera kehidupan yang mereka sama-sama layari itu sampai ke destinasiya iaitu menuju

keredhaan Allah atau sebaliknya. Zuriat merupakan isi bahtera yang tentunya akan mewarisi kepimpinan dan akan mempengaruhi hala tuju kehidupan itu.

Seseorang lelaki (suami) yang diumpamakan sebagai nakhoda pelayaran kehidupan wajib memahami bahawa kaum ini diberi tanggungjawab yang setimpal dengan tabi'i sebagai seorang lelaki.² Kelebihan yang Allah anugerahkan ini bukanlah suatu kuasa semulajadi yang dimiliki secara egoistik untuk memanipulasi apa jua tindakan yang menguntungkan kaum lelaki. Tetapi, sebaliknya ia merupakan suatu amanah untuk melindungi kaum wanita yang seringkali dikatakan lemah itu. Dengan perkataan lain, mereka patut diberi hak yang seimbang sesuai dengan tabi'i mereka.³

Di dalam ajaran Islam, ada beberapa hak yang patut ditunaikan oleh kaum lelaki (para suami) bagi mengimbangi hak-hak yang juga patut ditunaikan oleh kaum wanita (isteri). Antaranya ialah:

i) Pergaulan dan Layanan Yang Mesra

Al-Qur'an awal-awal lagi menyentuh perkara ini dengan perintah suruhan yang membawa kepada tindakan wajib kepada para suami supaya bergaul dan melayani isteri dengan cara yang baik (mesra).⁴

Sikap dan amalan memberi layanan mesra kepada isteri dan anak-anak ini memang telahpun ditunjukkan oleh Rasulullah (s. 'a.w.) dan malah dianggap sempurna iman seseorang jika dia memiliki akhlak yang baik, bermesra serta berlemah-lembut dengan ahli keluarganya. Rasulullah (s. 'a.w.) pernah bersabda yang bermaksud:

“Sesempurnanya iman seseorang mukmin itu ialah yang baik akhlaknya dan yang berlemah lembut kepada ahli keluarganya.”

Sehubungan itu, Rasulullah s. 'a.w. sendiri sebagai seorang suami memberi tunjuk ajar secara psikologi bagaimana membimbing dan bergaul dengan isteri serta memahami sifat atau tabiat seseorang yang dijadikan Allah sebagai seorang wanita. Sifat lelaki yang lazimnya kasar perlu memahami hati wanita yang seringkali diakui sebagai lemah lembut atau sentimental dan malah mudah terguris itu dengan bergaul dan mengucapkan kata-kata yang baik. Kaum wanita mengharapkan agar kaum lelaki melayani mereka dengan lemah lembut.⁶

Justeru itu diungkapkan bahawa wanita dijadikan daripada tulang rusuk yang bengkok dan mudah sekali patah jika dibetulkan (diluruskan) dengan kasar, tetapi jika dibiarkan maka ia akan terus bengkok. Sebuah hadith daripada Abū Hurayrah (r. 'a) yang bermaksud:

“Berpesanlah kamu supaya berlaku baik dengan kaum wanita kerana mereka itu dijadikan dari tulang rusuk yang bengkok iaitu yang paling bengkok sekali ialah yang paling di atas. Jika kamu

Kedudukan Hak Isteri Dari Perspektif Hukum Syarak & Undang-undang Keluarga Islam Di M'sia cuba membetulkannya (meluruskan), kamu mungkin telah mematahkannya, dan jika kamu membiarkannya nescaya ia akan terus bengkok.”⁷

Justeru itu, penganiayaan terhadap isteri sama ada secara mental, apatah lagi secara fizikal memang dilarang di dalam Islam. Malah, bukan sahaja kepada isteri, tetapi juga kepada kanak-kanak di dalam perkahwinan itu.

Dalam konteks remidi isteri yang dianiaya oleh suami, undang-undang keluarga Islam di Malaysia melindungi isteri (atau juga suami) dengan memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah mengeluarkan perintah perlindungan *interim* iaitu memerintahkan seseorang itu menahan dirinya daripada mengganggu atau mencero boh dengan apa-apa cara ke atas mana-mana pihak dalam perkahwinan itu.⁸ Kemungkiran mematuhi perintah tersebut boleh dikenakan hukuman sebagai suatu penghinaan terhadap mahkamah.⁹

Perlindungan khusus terhadap isteri juga diperuntukkan di dalam undang-undang keluarga Islam apabila hukuman/denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kombinasi hukuman kedua-duanya jika seseorang itu menganiaya isterinya atau menipu harta isterinya.¹⁰

Namun demikian, seseorang isteri harus memahami bahawa di dalam undang-undang keluarga Islam, untuk membuat permohonan perintah tegahan terhadap gangguan itu, dia terlebih dahulu hendaklah membuat permohonan induk. Dengan perkataan lain, permohonan itu dibuat dalam masa perbicaraan masih belum selesai ataupun selepas pemberian suatu perintah perceraian atau fasakh perkahwinan mereka. Selain dari itu, isteri juga boleh membuat permohonan fasakh perkahwinan mereka jika perbuatan lazim menyakiti oleh suami dan menjadikan kehidupannya menderita serta mahkamah berpuas hati bahawa telah berlaku penganiayaan dan menyebabkan mudarat kepada isteri.¹¹

Mengulas kes *Mohamed Habibullah lawan Faridah bt. Dato' Taib*,¹² responden di dalam kes ini pada mulanya telah memohon perintah pembubaran perkahwinannya di Mahkamah Syariah, Kuala Lumpur mengikut seksyen 52 (1)(h)(i) Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 atas alasan suaminya lazim menganiayanya atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan kelakuan aniaya itu iaitu perbuatan serangan dan serang-sentuh. Tetapi, berdasarkan kepada penyata tuntutan dan saman *ex-parte* di Mahkamah Tinggi (Sivil) untuk *injunksi interlocutori*, petisyen isteri untuk pembubaran perkahwinan masih belum selesai di Mahkamah Syariah. Barangkali kes ini lambat diselesaikan di Mahkamah Syariah dan bagi mengelak gangguan berterusan dari suaminya, responden telah memfailkan kesnya di Mahkamah Sivil (Mahkamah Tinggi). Tetapi, akhirnya Mahkamah Agung memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidangkuasa mendengar tuntutan

atau mengeluarkan *injunksi interlocutori* kerana kedua-dua pihak adalah orang Islam dan prosiding itu adalah berhubung dengan Undang-undang Keluarga Islam di mana Mahkamah Syariah sahajalah mempunyai bidangkuasa eksklusif mendengar tuntutan tersebut mengikut Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan. Sepatutnya, responden (Faridah) setelah membuat permohonan perintah pembubaran perkahwinan hendaklah pula segera membuat permohonan perintah tegahan terhadap gangguan di mahkamah yang sama sebagaimana dijelaskan.

Oleh kerana Mahkamah Syariah tidak diberi bidangkuasa untuk mengeluarkan perintah tegahan jika kes berkenaan (perkara yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian) belum difailkan oleh pihak yang teraniaya itu atau pihak itu tidak bersedia untuk membawa kes tersebut ke mahkamah, maka kemungkinan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] boleh melindungi wanita (termasuk isteri) daripada penganiayaan suami. Ini kerana akta ini memberikan kuasa-kuasa yang luas kepada Mahkamah Sivil di mana dalam prosiding yang melibatkan sesuatu aduan keganasan rumah tangga, mahkamah ini boleh mengeluarkan perintah perlindungan bagi menghalang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menggunakan keganasan rumah tangga terhadap pengadu itu. Malah, perintah juga boleh dibuat terhadap seseorang daripada menggunakan keganasan rumah tangga terhadap kanak-kanak atau orang dewasa yang tidak berkeupayaan.¹³

Selain daripada menyakiti atau melakukan penganiayaan terhadap isteri, undang-undang keluarga Islam juga memberi jalan penyelesaian kepada isteri untuk menuntut pembubaran perkahwinannya di mahkamah apabila suami berkawan dengan perempuan-perempuan jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan hukum Syarak seperti melacur, homoseksual dan sebagainya atau cuba memaksa isteri hidup secara lucah; atau melupuskan harta isteri atau melarang isteri dari menggunakan haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu; atau menghalang isteri dari menunai atau menjalankan kewajiban agama; atau jika suami mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri yang sedia ada dengan adil mengikut kehendak hukum Syarak; atau suami dengan sengaja enggan melakukan hubungan kelamin dengan isterinya meskipun empat bulan. Malah, jika selepas akad nikah, dibuktikan isteri sebelum itu tidak memberi izin terhadap perkahwinan itu atau izinnya tidak sah sama ada oleh sebab paksaan, kesilapan atau ketidaksempurnaan akal atau keadaan-keadaan lain yang diakui oleh hukum Syarak bagi membubarkan perkahwinan itu, maka isteri berhak di sisi undang-undang untuk berbuat demikian.¹⁴

Begitu juga, istilah pergaulan atau layanan mesra sebagai suami isteri tidak mungkin berlaku jika tidak diketahui di mana suami berada (undang-undang menetapkan ketiadaannya itu ialah selama tempoh lebih dari satu tahun); atau suami telah dihukum penjara selama tempoh tiga tahun atau lebih; atau suami telah tidak menunaikan tanggungjawab memberi nafkah batin tanpa sebab yang munasabah

Kedudukan Hak Isteri Dari Perspektif Hukum Syarak & Undang-undang Keluarga Islam Di M'sia

selama tempoh satu tahun;¹⁵ atau suami mati pucuk pada masa perkahwinan dan berterusan atau tidak mungkin dapat dipulihkan lagi; atau suami telah gila selama tempoh dua tahun atau mengidap penyakit berjangkit yang amat merbahaya kepada isteri atau dan anak di dalam kandungannya (jika ada) seperti kusta atau vitiligo, penyakit kelamin dan seumpamanya.¹⁶

i) Nafkah

Pada dasarnya, Islam meletakkan kewajiban mengeluarkan nafkah kepada pihak lelaki (suami). Kaum lelaki diamanahkan untuk melindungi kaum wanita dengan kewajiban tersebut. Kadar nafkah tertakluk kepada kebiasaan dan kemampuan suami. Allah memang sekali-kali tidak memberati seseorang itu melainkan sekadar kemampuan atau kudrat yang Allah berikan kepadanya.¹⁷

Istilah nafkah tidak hanya terbatas kepada makanan dan pakaian sebagaimana yang difahami oleh sesetengah masyarakat kita, malah ia merangkumi kewajiban-kewajiban lain. 'Ulama fiqh biasanya membahagikan nafkah itu kepada beberapa keperluan utama iaitu makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan, pelajaran, perkhidmatan dan seumpamanya.¹⁸

Dalam konteks hubungan perkahwinan suami isteri, si isteri harus memahami kedudukan suami dari segi kemampuannya memenuhi keperluan yang sepatutnya ditunaikan itu. Dalam konteks kewajiban suami memberi nafkah, bukan sahaja ditegaskan di dalam al-Qur'an,¹⁹ malah juga al-Sunnah sendiri di mana Rasulullah s. 'a.w. menegaskan supaya disediakan tempat tinggal, makanan dan pakaian serta dilayani secara baik sebagai keperluan utama bagi seseorang isteri mengikut kemampuan suami.

Rasulullah s. 'a.w. bersabda yang bermaksud:

"Tempatkanlah mereka (isteri-isteri) di mana tempat kamu diami (tinggal), dan berilah makanan kepada mereka setakat mana yang kamu makan (yang mampu disediakan), dan berilah pakaian-pakaian kepada mereka atas kadar pakaian yang kamu pakai, dan janganlah kamu pukul muka mereka, dan jangan diburuk-burukkan serta jangan kamu pulaukan mereka (di luar rumah) kecuali di dalam rumah (rumah kamu)."

Hak nafkah bagi seseorang isteri berterusan selagi dia tidak berlaku nusyuz kepada suaminya. Bagi menentukan seseorang isteri itu nusyuz atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya adalah tertakluk tafsirannya kepada hukum Syarak dan pengesahan mahkamah. Undang-undang keluarga Islam negeri-negeri ada menafsirkan tindakan isteri yang dianggap nusyuz itu. Antaranya ialah apabila seseorang isteri itu menjauhkan diri dari suaminya; isteri

meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya dan apabila isteri enggan berpindah bersama suaminya ke suatu rumah atau tempat lain. Begitupun keingkaran isteri tidaklah dianggap nusyuz jika ada alasan munasabah yang ditimbang berasaskan hukum Syarak.²⁰

Namun begitu isteri yang telah bertaubat dan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya tidak lagi dianggap nusyuz dan hak atau nafkahnya kembali seperti biasa. Menurut hukum Syarak, jika suami tidak menunaikan hak nafkah tersebut seperti menghilangkan diri tanpa berita, kikir dan seumpamanya, maka isteri boleh bertindak secara jujur memperoleh hak itu dari suaminya. Ini berasaskan perakuan Rasulullah s. 'a.w. kepada tindakan Hind binti 'Utbah yang mengambil harta suaminya (Abū Sufyān yang terkenal dengan sifat kikirnya) tanpa pengetahuannya.

Rasulullah s. 'a.w. bersabda: *"Ambillah dari harta Abū Sufyān atas kadar yang cukup bagi kamu dan anak kamu dengan cara yang wajar (baik)"*.²¹

Tetapi, jika suami meninggalkan isteri kerana perjalanan yang jauh atau sengaja menghilang (menyembunyikan) diri tanpa berita dan dia tidak meninggalkan apa-apa harta atau nafkah, maka isteri boleh membuat aduan ke mahkamah dan mahkamah boleh membenarkan isteri berhutang atas nama hutang suami yang akan dibayar semula oleh suami apabila dia muncul kembali.

Sehubungan itu, kaum wanita (isteri) di negara ini dalam soal untuk menuntut nafkah jika suami cuai atau enggan, Undang-undang Keluarga Islam memberi hak kepadanya untuk berbuat demikian dan mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk memerintahkan suami memberi nafkah kepada isterinya.²²

Pertikaian yang seringkali timbul ialah tentang jumlah atau kadar nafkah yang sebenarnya biasanya berbeza dengan jumlah yang dinyatakan oleh pihak menuntut (isteri) di dalam penyata tuntutan. Bagi menentukan kadar atau jumlah berkenaan, mahkamah akan mengambilkira taksiran terutama sekali di atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak yang bertikai itu dengan pendapatan sebenar pihak yang terhadapnya perintah itu dibuat.²³

Jika suami mampu membayar nafkah, tetapi enggan berbuat demikian dan mahkamah telah menentukan kadar nafkah melalui perintahnya, tetapi dia tidak menjelaskannya sehingga kadar tersebut menjadi jumlah terhutang yang terkumpul dan tertunggak, maka mahkamah boleh mengarahkan supaya amaun yang kena dibayar itu dilevi sebagai denda, atau dijatuhkan hukuman pemenjaraan jika perintah tiap-tiap bulan itu tidak dipatuhi iaitu penjara tidak melebihi sebulan bagi setiap bayaran bulanan yang masih belum dibayar. Tetapi, jika dalam mana-mana hal lain pembayaran satu tahun belum dibayar, hukuman penjara tidak melebihi setahun boleh dikenakan.²⁴

Mahkamah juga boleh mengambil tindakan dengan mengeluarkan perintah

kepada suami memberi cagaran bagi kesemua atau apa-apa bahagiannya dengan meletak hak apa-apa harta kepada pemegang-pemegang amanah dengan amanah supaya membayar nafkah itu atau sebahagiannya daripada pendapatan harta itu.²⁵

Adapun bagi suami yang tidak ada apa-apa harta untuk dijadikan nafkah kepada isteri atau disebut sebagai '*usar*', maka mengikut amalannya di Malaysia, isteri diberi hak untuk memilih dua penyelesaian. Pertama, isteri bersabar dan redha untuk meneruskan perkahwinan mereka sehinggalah kedudukan suami pulih seperti sediakala dan mampu membayar nafkah yang tertanggung ke atasnya, dan kedua, isteri boleh menuntut fasakh nikah sekiranya dia dapat membuktikan bahawa kepapaan suami boleh menyebabkan mudarat ke atasnya dan sabarnya sudah sampai klimaks.²⁶

Dengan perkataan lain, Undang-undang Keluarga Islam melindungi isteri-isteri daripada teraniaya dengan memohon suatu perintah pembubaran perkahwinan atau fasakh jika suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan nafkah selama tempoh tiga bulan.²⁷

Setelah isteri diceraikan, isteri berhak untuk mendapat nafkah '*iddah* jika sekiranya dia masih di dalam '*iddah raj'i*'. Ini berdasarkan kepada firman Allah di dalam al-Qur'an yang menghendaki supaya perceraian itu di dalam keadaan baik dan isteri-isteri itu dapat menjalani '*iddah*'. '*Iddah* ialah suatu tempoh masa seseorang isteri yang telah diceraikan sehingga dia boleh bersuami dengan lelaki lain. Maksud perkataan '*iddah* atau waktu yang ditentukan di sini ialah waktu seseorang perempuan itu suci dari kedatangan haid. Sebab itu, perceraian hendaklah dilakukan dalam keadaan perempuan itu suci dari haid bagi mengelakkan mereka teraniaya dari menunggu sehingga tiga kali kedatangan haid jika talak dilafazkan dalam tempoh perempuan itu kedatangan haid mereka dengan sempurna.

'*Iddah* terbahagi kepada beberapa jenis. Dalam tempoh '*iddah*, suami dilarang dari mengeluarkan (menghalau) isteri dari rumah mereka kecuali jika isteri telah melakukan perbuatan keji secara terang-terangan. Dengan perkataan lain, isteri dikehendaki tinggal di dalam rumah itu dalam tempoh itu. Dalam tempoh tersebut, mungkin boleh timbul fikiran yang tenang dan keinsafan di dalam hati kedua pihak untuk meneruskan perkahwinan mereka seperti sedia kala.²⁸

Justeru di dalam tempoh tersebut, suami boleh mengambil isterinya kembali ataupun di dalam istilahnya disebut '*ruju*'. Prinsip ini dikanunkan di dalam Undang-undang Keluarga Islam di negara ini apabila peruntukan dibuat memberi hak kepada isteri untuk tinggal di rumah di mana dia biasa tinggal semasa dia berkahwin selagi suami tidak mendapatkan tempat tinggal lain yang sesuai untuk isteri. Hak tempat tinggal ini akan tamat setelah selesai tempoh '*iddahnya*'; atau jika tempoh penjagaan anak telah tamat; atau jika perempuan itu telah berkahwin semula; atau jika

perempuan itu didapati bersalah melakukan perbuatan memberahikan secara terbuka. Suami hanya boleh membuat permohonan kepada mahkamah supaya dikembalikan rumah itu kepadanya setelah berlaku mana-mana daripada perkara tersebut.²⁹

Di dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia, isteri yang telah diceraikan boleh mengemukakan tuntutan nafkah 'iddah di mahkamah jika suami tidak menunaikan kewajipan itu dan mahkamah akan memerintahkan nafkah itu ditunaikan sehingga tamat tempoh 'iddah mengikut hukum Syarak.³⁰ Perintah demikian juga akan tamat jika isteri itu menjadi *nusyuz* di dalam tempoh tersebut.³¹ Begitu juga di dalam keadaan lain, hak seseorang isteri yang diceraikan untuk menerima apa-apa pemberian daripada bekas suaminya di bawah sesuatu perjanjian akan terbatal atau tamat dengan sendirinya sebaik-baik sahaja isteri itu berkahwin semula.³²

ii. Perlindungan dan Pendidikan Agama

Sebagai seorang suami yang diberikan penghormatan oleh Allah untuk memimpin³³ kaum wanita (isteri), maka di dalam pimpinannya itu ada kewajipan tertentu yang perlu ditunaikan iaitu membela penghidupan isteri dan melindungi hak-haknya. Islam sebenarnya mengangkat darjat wanita dan melindunginya sesuai dengan fitrahnya setelah beberapa lama pada zaman jahiliah mereka diketepikan kerana mempunyai sifat lemah dan terdedah kepada keaiban duniawi. Hatta, dicatatkan di dalam sejarah Islam di mana ada antara bayi-bayi perempuan ditanam hidup-hidup. Selepas kedatangan Islam, kaum perempuan dibela dan dilindungi, malah diberi penghormatan di dalam al-Qur'an melalui apa yang disebut sebagai surah al-Nisā' yang bermaksud "perempuan-perempuan". Mereka juga seterusnya diberi pengiktirafan untuk memiliki harta pusaka yang sebelumnya dibolot oleh kaum lelaki.³⁴

Sebuah rumah tangga yang bahagia dan diredhai Allah bermula dari tanggungjawab kaum lelaki (suami) untuk membimbing isteri dan anak-anak di dalam urusan ukhrawi dan duniawi. Al-Qur'an mengarahkan supaya memelihara diri sendiri dan ahli keluarga daripada api neraka di mana disebutkan bahan bakar api neraka itu terdiri dari manusia dan batu-batu.³⁵

Sehubungan dengan itu, dalam konteks hubungan isteri dan suami, para suami perlu memahami bahawa tanggungjawab itu perlu disempurnakan terutama di dalam membimbing isteri khususnya dalam soal-soal keagamaan. Ini bermakna seseorang lelaki muslim itu perlu memahami soal-soal yang berkaitan dengan akidah, syariah dan akhlak sebagai fardu 'ain ke atas dirinya. Berbeza dengan apa yang difahami oleh sesetengah masyarakat Melayu masa kini bahawa soal-soal keagamaan hanya layak dimiliki atau dipelajari oleh mereka yang di dalam disiplin pengajian agama.

Sehubungan dengan itu juga, harus difahami bahawa meskipun pendidikan agama wajib bermula di peringkat kanak-kanak lagi yang dipertanggungjawabkan ke

atas ibu bapa mereka, peranan suami di dalam membimbing isteri di dalam hal ehwal agama dianggap sebagai melanjut dan menyempurnakan asas-asas agama yang telah ditanam semasa mereka (isteri) kecil lagi.³⁶

Justeru itu, jika suami tidak mengambil berat terhadap perkara ini, maka adalah menjadi hak isteri untuk menjalankan perintah agama atau dalam pengertian lain ibadat-ibadat khusus yang wajib ditunaikan meskipun dia barangkali dihalang oleh sesetengah suami yang sengaja tidak mahu memahami perintah agama. Menyentuh tentang ibadat khusus misalnya solat, Allah menyebut tentang kewajipan suami (bapa) untuk menyuruh ahli keluarga (terutama isteri) untuk mengerjakan solat dan terus beriltizam mengerjakannya.³⁷ Begitu juga di dalam aspek-aspek lain bagi mendalami pengetahuan dan penghayatan agama sehingga memenuhi tuntutan fardu 'ain dan fardu kifāyah.

Oleh itu, memahami konsep dan menghayati agama dalam hidup berumah tangga menjadi asas penting di dalam pembentukan sesebuah keluarga menurut ajaran Islam. Sebab itu di dalam Islam, pemilihan pasangan yang beragama atau menghayati dan mengamalkan agamanya dalam kehidupannya menjadi ciri utama bagi menentukan kehidupan berumah tangga itu bahagia dan mendapat keredhaan Tuhan sebagaimana yang disebut oleh Rasulullah s. 'a.w. yang memberi jaminan tentang 'tuah' bagi seseorang lelaki yang memilih pasangan hidupnya dengan seorang wanita yang beragama.³⁸ Walaupun Rasulullah s. 'a.w. menyebut kaum wanita, namun ini tidaklah memberi erti kaum lelaki tidak berkaitan dalam hadith ini. Malah lelaki wajar terlebih dahulu menyiapkan diri dengan akidah yang mantap dan akhlak yang baik.

Sesungguhnya, akidah yang mantap dan akhlak yang baik ditekankan dalam soal perkahwinan kerana ia akan menjadi benteng dan akan kekal selama-lamanya. Tetapi sifat-sifat yang lain iaitu harta kekayaan, kedudukan dan kecantikan³⁹ biasanya boleh lupus pada bila-bila masa atau tidak akan bertahan lama. Oleh itu, kaum wanita (isteri) perlu memahami kedudukan ini dan perlu menyempurnakan kehendak-kehendak ajaran agama sebagaimana sewajarnya.

Di dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia, isteri berhak mendapat perintah menurut hukum Syarak dari Mahkamah Syariah bagi membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh jika suami sengaja menghalang isteri dari menunai atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya. Malah, apatah lagi jika suami cuba memaksa isteri hidup secara lucuh atau mendekati perempuan-perempuan jalang (berperangai keji) dan seumpamanya. Tindakan suami demikian boleh dianggap sebagai suatu penganiayaan ke atas isteri.⁴⁰

iii. Keadilan Jika Berpoligami

Islam mengharuskan kaum lelaki (suami) untuk berpoligami atau mengahwini isteri

lebih dari seorang sehingga empat orang isteri. Sesungguhnya, keharusan ini adalah sesuai dengan fitrah kejadian manusia yang diciptakan Allah. Begitupun, keharusan ini bukanlah secara mutlak. Beberapa kriteria ditetapkan terutama tentang keadilan. Sebab itu, jika seseorang lelaki itu tidak mungkin berlaku adil ke atas beberapa orang isteri (hingga empat), maka memadailah mempunyai isteri seorang sahaja.⁴¹

Begitupun, di dalam ayat lain, Allah menegaskan bahawa amatlah sukar (barangkali mustahil) berlaku adil terhadap isteri-isteri meskipun para suami bersungguh-sungguh berazam berbuat demikian.⁴² Ini bermakna, soal keadilan yang mustahil boleh dilakukan sebagaimana yang dimaksudkan bukanlah bercanggahan dengan hukum keharusan poligami itu. Ini kerana yang dimaksudkan dengan adil yang boleh dilakukan oleh para suami ialah adil dari segi perkara-perkara yang bersifat lahiriah seperti nafkah dan seumpamanya. Manakala, yang mustahil boleh dilakukan sebagai seorang insan ialah adil dari segi sifat kasih sayang. Ini boleh difahami melalui teguran Allah supaya berusaha untuk melakukan kebaikan dan memelihara dari melakukan kezaliman (pilih kasih) atau dengan ungkapan lain berusaha bersifat adil kepada semua isteri dan jangan sisihkan (gantungkan) isteri-isteri yang sedia ada.

Sehubungan itu bagi menentukan keharusan untuk berpoligami dengan mengambilkira kriteria seseorang suami yang pada zahirnya boleh melaksanakan keadilan itu, maka di Malaysia ketentuan itu diberi kepada Mahkamah Syariah. Dengan perkataan lain, mahkamah dijadikan sebagai penimbang bagi memastikan suami itu melaksanakan tanggungjawab itu sebagaimana yang dikehendaki oleh hukum Syarak dan meskipun ada sedikit perbezaan di dalam undang-undang negeri tentang beberapa prosedur bagi suami yang memohon untuk berpoligami itu, tetapi perbezaan itu tidaklah menjejaskan fungsi mahkamah memastikan pemohon (suami) itu benar-benar layak di sisi hukum Syarak dan diyakini akan berlaku adil terhadap isteri baru dan isteri-isteri yang sedia ada. Mahkamah juga biasanya setelah menerima permohonan itu akan memanggil isteri atau isteri-isteri yang sedia ada yang bukan sahaja sebagai suatu maklumat tentang kehendak suami atau sebagai suatu perundingan, malah mereka ini boleh membantu mahkamah di atas keterangan-keterangan yang diberikan oleh pihak pemohon (suami) bagi menentukan suami itu layak di sisi hukum Syarak untuk berpoligami atau sebaliknya.⁴³

Dalam konteks undang-undang keluarga Islam di Malaysia, isteri boleh mendapatkan perintah mahkamah untuk membubarkan perkahwinan atau fasakh jika suaminya tidak melayani isteri itu dengan adil mengikut kehendak hukum Syarak berbanding dengan isteri-isterinya yang lain. Ketidakadilan demikian dianggap sebagai suatu penganiayaan ke atas isteri berkenaan.⁴⁴

Nota Hujung

1. Al-Qur'an, Surah al-Rūm: 21.
2. Al-Qur'an, Surah al-Baqarah: 228, al-Nisā': 34.
3. Al-Qur'an, Surah al-Baqarah: 248.
4. Al-Qur'an, Surah al-Nisā': 19.
5. Lihat hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī yang bermaksud: “yang paling baik di antara kamu ialah yang bersikap baik terhadap isterinya, dan aku lebih bersikap mesra daripada kamu semua terhadap isteriku.”
6. Lihat ulasan 'Adil 'Abd al-Mun'im Abū al-'Abbās, *al-Ziwāj wa al-'Alaqāt al-Jinsiyyah fī al-Islām*, Kaherah: Maktabah al-Qur'an (1987), hal. 140.
7. Sila rujuk al-Imām Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairī al-Naysaburi, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār al-Fikr (t.t), jld.2, hadith no. 1091.
8. Lihat misalnya, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303), S.107(1).
9. *Ibid.*, S.107(2).
10. *Ibid.*, S.127.
11. Lihat misalnya S.52 (1)(h)(I) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, S.49; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam, Terengganu (Bil. 2/1985); Lihat juga kes-kes yang berkaitan misalnya *Hasnah binti Omar lwn. Zaaba bin Mohamad Amin* (1995) 10 *JH* (1), 59.
12. [1992] 2 *MLJ*, 793; [1992] 9 *JH*, 23.
13. *Ibid.*, S.5(1)(a-c).
14. *Ibid.*, S.52(1)(h)(ii-1).
15. Lihat kes-kes misalnya *Kelthom lwn. Ismail* (1996) 5 *JH* (2) 179.
16. *Ibid.*, S.52 (1) (a, c-f).
17. al-Qur'an Surah al-Baqarah: 34, 233; al-Ṭalāq: 7.
18. Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, jilid 2, cet 2 (1973), hal. 169.
19. *Supra*, nota no. 15.
20. Lihat Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, S.59(2)(a-c).
21. Lihat *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, jld. 20 (t.t.), hal. 13.
22. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, S.59(1).

23. *Ibid.*, S.61.
24. *Ibid.*, S.132 (1).
25. *Ibid.*, S.62.
26. Lihat kes seperti *Sakdiah lwn. Ahmad* (1981) 2 *JH* (1), 101.
27. Lihat Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, S.52(b).
28. Al-Quran, Surah al-Talāq: 1 dan 6.
29. Lihat Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, S.71(1) (2) (a-d).
30. Lihat misalnya kes-kes *Cik Ah lwn. Ramli* (1981) 2 *JH* (1), 122; *Noor Beh lwn. Ahmad Shanusi* (1981) 1 *JH* (2), 67; *Zawiyah lwn. Ruslan* (1981) 1 *JH* (2), *Halim Azman lwn. Norizan* (1996) 5 *JH* (2), 248; dan lain-lain.
31. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, S.65 (1).
32. *Ibid.*, S.65 (2).
33. Al-Qur'an, Surah al-Nisā': 34.
34. Al-Qur'an, Surah al-Nisā':7, 11 dan ayat-ayat lain berkaitan dengan harta pusaka.
35. Al-Qur'an, Surah al-Taḥrīm: 6.
36. Lihat 'Adil 'Abd al-Mun'im Abū al-'Abbās, *op.cit.*, hal. 143.
37. al-Qur'an, Surah Tāhā: 132 dan ayat-ayat lain yang berkaitan.
38. Sila rujuk hadith Rasulullah s.'a.w. yang diriwayatkan oleh Imām al-Bukhārī yang menyebut bahawa biasanya seseorang wanita itu dikahwini kerana empat perkara iaitu kerana hartanya; kedudukannya; kecantikannya dan agamanya. Tetapi Rasulullah s.'a.w. menyuruh supaya memilih perempuan yang beragama kerana pilihan agama dapat menjamin keselamatan di dalam sesebuah rumahtangga itu.
39. Al-Qur'an, Surah al-Baqarah; 221.
40. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, S.52 (1)(h)(v, ii & iii).
41. Al-Qur'an, Surah al-Nisā'; 3.
42. Al-Qur'an, Surah al-Nisā': 126.
43. Lihat misalnya, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, S.23(1); Enakmen Selangor (No. 4/1984), S.23 (1); Enakmen Perak (Bil. 13/1984), S.21(1), Enakmen Negeri Sembilan (No. 7/1983), S.23(1); Enakmen Kedah 1979 (Bil. 1/1984), S.17(1); Enakmen Sabah (No. 15/1992), S.23 (1); Enakmen Johor (No. 5/1990), S.23(1); Ordinan Sarawak (No. 5/1991), S.21(1) dan lain-lain.
44. Lihat Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, S.52(1) (h)(vi).